

Pengerusi sayap Umno mahu rasmi sendiri mesyuarat, kata Zahid
Malaysian Insider
Nov 25, 2015
Oleh Mohd Farhan Darwis

Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak dibenarkan merasmikan mesyuarat sayap Wanita, Pemuda dan Puteri parti Melayu itu atas permintaan pengerusi sayap masing-masing, kata naib presidennya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Zahid berkata, keputusan itu dibuat ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno demi menghormati permintaan pengerusi sayap parti Melayu itu.

"Itu permintaan pengerusi sayap. MT hormati permintaan pengerusi sayap," katanya kepada pemberita selepas berucap merasmikan Majlis Pemakaian Pangkat Bersekutu, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) kepada pemimpin muda di bawah Kesatria Muda Keselamatan (KMK), di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur hari ini.

Perkara itu turut disahkan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang turut hadir pada sidang media berkenaan.

"Saya sahkan apa yang dikatakan Zahid. Itu permintaan saya, Wanita dan Puteri. Perasmian tidak tertulis dalam Perlembagaan dan ia hanya konvensyen," katanya yang juga menteri belia dan sukan.

"Tidak ada niat untuk menyapkan sesiapa, saya rasa lebih sesuai ia dibuat di peringkat sayap sendiri," kata Khairy.

Semalam, Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak mengumumkan MT memutuskan mesyuarat sayap Wanita, Pemuda dan Puteri pada Perhimpunan Agung Umno pada Disember akan dirasmikan ketua sayap masing-masing dan bukannya Muhyiddin.

Najib yang juga perdana menteri itu berkata, keputusan itu dicapai bagi mengekalkan "suasana baik dan positif" perhimpunan.

"Perhimpunan agung kali ini kita hendak suasananya baik dan positif.

"Antara keputusan yang kita buat sayap Wanita, Pemuda dan Puteri akan dirasmikan ketua sayap masing-masing," katanya.

Keputusan yang dicapai pada mesyuarat di bangunan sementara Parlimen petang semalam dibuat tanpa kehadiran Muhyiddin yang juga timbalan presiden dan Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Mengikut konvensyen Umno, mesyuarat sayap parti akan dirasmikan timbalan presiden.

Muhyiddin dan Shafie sebelum ini digugurkan dalam rombakan Kabinet pada hujung Julai lalu dan ia berlaku selepas mereka rancak menyatakan perbezaan pendapat dengan Najib dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB). – 25 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengerusi-sayap-umno-mahu-rasmi-sendiri-mesyuarat-kata-zahid>